



ALLIANCE BANK

Terma dan Syarat

Kempen “Fly High with Alliance Bank Visa Credit Card”

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, kecuali konteksnya memerlukan yang sebaliknya:

“**Bank**” atau “**ABMB**” bermakna Alliance Bank Malaysia Berhad.

“**Kempen**” bermakna Kempen “Fly High with Alliance Bank Visa Credit Card”.

“**Produk**” bermakna Kad Kredit Visa ABMB iaitu Visa Platinum atau/ dan Kad Kredit Maya atau/ dan Visa Signature atau/ dan Visa Infinite.

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen ini dianjurkan oleh Bank dan akan dijalankan dari 1 April 2023 hingga 30 September 2023 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh masa lain sedemikian yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).
2. Bank berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tamat Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan dengan memberikan notis terlebih dahulu. Perubahan tersebut akan dikemas kini dalam laman web bank kami.

KELAYAKAN

1. Kempen ini dibuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Visa ABMB individu yang mempunyai Kad Kredit sah dan boleh melakukan pembayaran pada waktu transaksi semasa Tempoh Kempen (“Pemegang Kad yang Layak”).
2. Untuk mengelakkan keraguan:
 - i. Transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad Tambahan berkenaan dengan Kempen ini akan terakru kepada Pemegang Kad Utama dengan syarat bahawa akaun Pemegang Kad Utama adalah aktif, sah dan dalam kedudukan kredit yang baik;
 - ii. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utamanya daripada Kempen ini.
3. Individu berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - i. Pemegang Kad Kredit Visa bukan dari Alliance Bank;
 - ii. Pemegang Kad mana-mana Kad Kredit Perniagaan;
 - iii. Pemegang Kad yang mempunyai akaun yang dorman, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan ABMB;
 - iv. Pemegang Kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dimulakan terhadap mereka;
 - v. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - vi. Mana-mana individu lain yang mungkin ditentukan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut polisi dalaman.
 - vii. Mana-mana individu lain yang mungkin ditentukan oleh ABMB untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank.
4. Kakitangan tetap dan/atau kontrak ABMB (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) termasuk ahli keluarga terdekat masing-masing adalah layak untuk menyertai Kempen.
5. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu melakukan perbelanjaan terkumpul sekurang-kurangnya RM500 sebulan untuk transaksi runcit, berkaitan perjalanan atau asing menggunakan Kad Kredit Visa ABMB mereka (jumlah perbelanjaan Kad Prinsipal dan Tambahan akan digabungkan).
6. Perbelanjaan Bulanan yang Layak tidak termasuk perkara di bawah:
 - i. Yuran pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pindahan Baki, Tunai Pantas, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi-tunai, yuran tahunan, yuran pembayaran lewat, faedah, caj kewangan; dan/atau sebarang program perkongsian khas;
 - ii. Transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana pedagang yang dikaitkan dengan atau dikawal oleh beliau (sama ada sebagai kakitangan, majikan, pemilik, rakan kongsi, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana perbadanan atau entiti perniagaan di mana beliau merupakan kakitangan atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham atau kepentingan dalamnya atau merupakan seorang pengarah;

- iii. Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak dibenarkan dan/atau ditipu; dan/atau
- iv. Transaksi dengan Kod Kategori Pedagang ("MCC") di bawah, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Transaksi / Yuran dan Caj yang Dikecualikan

Transaksi / Yuran dan Caj	Kod MCC
Bayaran Insurans	5960 - Perkhidmatan Insurans Pemasaran Langsung 6300 - Taja Jamin Insurans, Premium
Tambah nilai E-dompet	6540 - Institusi Bukan Kewangan – Nilai Tersimpan Pembelian/Muatan Kad
Transaksi runcit yang dijalankan/ pembayaran dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan untuk perkhidmatan	9211 - Kos Mahkamah, Termasuk Alimoni dan Nafkah Anak - Mahkamah Undang-undang 9222 - Denda - Entiti Pentadbiran Kerajaan, 9223 - Ikat Jamin, Bayaran Bon, 9311-Bayaran Cukai - Agensi Kerajaan, 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak Diklasifikasikan di Tempat Lain) 9402 - Perkhidmatan Pos - Kerajaan Sahaja dan 9405 - Agensi atau Jabatan Kerajaan Persekutuan A.S
Pendahuluan Tunai, sebarang yuran dan caj seperti Caj Kewangan, Caj Lewat, Yuran Tahunan, Pindahan Baki atau Tunai Pantas tidak layak untuk mendapat Ganjaran Kempen.	TIADA

KAEDAH DAN GANJARAN KEMPEN

1. Kempen ini tidak boleh digunakan bersempena sebarang promosi atau kempen lain yang sedang dijalankan oleh Bank melainkan dinyatakan sebaliknya.
2. Ganjaran Kempen yang diberikan untuk Kempen ini adalah mengikut polisi dalaman bank dan apa-apa keputusan yang diambil oleh Bank berkenaan dengannya akan dianggap sebagai muktamad.

Peringkat	Ganjaran Kempen	Kaedah	Bilangan Pemenang
1	150,000 Mata Ganjaran Enrich (mencukupi untuk penerbangan pergi balik seperti: UK, Australia, Jepun, Korea dan sebagainya)	Dapatkan 1x penyertaan dengan jumlah perbelanjaan terkumpul minimum sebanyak RM500 dalam sebulan untuk transaksi runcit Dapatkan 3x penyertaan dengan jumlah perbelanjaan terkumpul minimum sebanyak RM500 dalam sebulan untuk transaksi berkaitan perjalanan (MCC 3000-3299,	Peringkat 1 dihadkan kepada 3 pemenang setiap bulan dan sejumlah 18 pemenang sepanjang Tempoh Kempen, mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu. Setiap pemenang hanya boleh menerima satu (1) Hadiah Peringkat 1 sepanjang Tempoh Kempen.

2	<p align="center">Touch 'n Go eWallet Reload PIN bernilai RM100</p>	<p>3500-3999, 4511, 4722, 7011) atau luar negara (sebarang mata wang asing)</p> <p>(Minimum 8x penyertaan dalam sebulan diperlukan supaya layak menyertai Hadiah Peringkat 1)</p>	<p>Peringkat 2 dihadkan kepada 500 pemenang setiap bulan dan sejumlah 3,000 pemenang sepanjang Tempoh Kempen, mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.</p> <p>Setiap pemenang boleh menerima sehingga enam (6) Hadiah Peringkat 2 (Jumlah keseluruhan RM600 Touch 'N Go eWallet Reload PIN) sepanjang Tempoh Kempen.</p>
---	--	--	---

Kaedah Kempen – Kempen “Fly High with Alliance Bank Visa Credit Cards”

- i. Pemegang Kad yang Layak akan diberi ganjaran 150,000 Mata Ganjaran Enrich untuk satu (1) kali bagi setiap Pemegang Kad sepanjang Tempoh Kempen dengan perbelanjaan terkumpul minimum sebanyak RM500 bagi transaksi runcit, transaksi berkaitan perjalanan atau luar negara setiap bulan semasa Tempoh Kempen.
- ii. Pemegang Kad yang Layak akan diberi ganjaran satu (1) unit Touch 'N Go eWallet Reload PIN bagi setiap Pemegang Kad setiap bulan dengan perbelanjaan terkumpul minimum sebanyak RM500 bagi transaksi runcit, transaksi berkaitan perjalanan atau luar negara setiap bulan semasa Tempoh Kempen.
- iii. Setiap perbelanjaan terkumpul untuk transaksi runcit sebanyak RM500 dalam sebulan semasa Tempoh Kempen akan layak mendapat satu (1) penyertaan untuk menyertai Kempen.
- iv. Setiap perbelanjaan terkumpul untuk transaksi berkaitan perjalanan (MCC 3000-3299, 3500-3999, 4511, 4722, 7011) atau luar negara (sebarang mata wang asing) sebanyak RM500 dalam sebulan semasa Tempoh Kempen akan layak mendapat tiga (3) penyertaan untuk menyertai Kempen.
- v. Hadiah Kempen untuk Peringkat 1 (150,000 Mata Ganjaran Enrich) dihadkan kepada tiga (3) pemenang setiap bulan dan sejumlah lapan belas (18) pemenang sepanjang Tempoh Kempen, mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.
- vi. Setiap pemenang hanya boleh menerima satu (1) Hadiah Peringkat 1 sepanjang Tempoh Kempen.
- v. Hadiah Kempen untuk Peringkat 2 (Touch 'N Go eWallet Reload PIN bernilai RM100) dihadkan kepada lima ratus (500) pemenang setiap bulan dan sejumlah tiga ribu (3,000) pemenang sepanjang Tempoh Kempen, mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.
- vi. Setiap pemenang boleh menerima sehingga enam (6) Hadiah Peringkat 2 (Jumlah keseluruhan RM600 Touch 'N Go eWallet Reload PIN) sepanjang Tempoh Kempen.
- vii. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan pendahuluan.
- vii. Sila rujuk jadual di bawah mengenai Tempoh Perbelanjaan Kempen dan Tarikh Pemenuhan Ganjaran Kaedah Kempen:

Jadual 2: Tempoh Perbelanjaan Kempen dan Tarikh Pemenuhan Ganjaran

Tempoh Perbelanjaan Kempen	Tarikh Pemenuhan Ganjaran (dalam tempoh 3 bulan selepas tamat Tempoh Perbelanjaan Kempen)
1 April 2023 hingga 30 April 2023	Sehingga 31 Julai 2023

1 Mei 2023 hingga 31 Mei 2023	Sehingga 31 Ogos 2023
1 Jun 2023 hingga 30 Jun 2023	Sehingga 30 September 2023
1 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023	Sehingga 31 Oktober 2023
1 Ogos 2023 hingga 31 Ogos 2023	Sehingga 30 November 2023
1 September 2023 hingga 30 September 2023	Sehingga 31 Disember 2023

PEMENUHAN GANJARAN KEMPEN

- Ganjaran Kempen akan dipenuhi dalam tempoh TIGA (3 bulan) selepas tamat Tempoh Perbelanjaan Kempen seperti yang dihuraikan dalam Tarikh Pemenuhan Ganjaran masing-masing di atas.

Peringkat	Ganjaran Kempen	Tempoh Pemenuhan Kempen
1	150,000 Mata Ganjaran Enrich	Ganjaran Kempen akan dipenuhi TIGA (3 bulan) selepas tamat Tempoh Perbelanjaan Kempen seperti yang dihuraikan dalam Tarikh Pemenuhan Ganjaran masing-masing di atas Sebagai contoh:
2	Touch 'n Go eWallet Reload PIN bernilai RM100	a. Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan perbelanjaan dan memenuhi Kaedah Kempen pada Mei 2023 akan menerima Ganjaran Kempen selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2023.

- Pemenang untuk Ganjaran Kempen untuk Peringkat 1 mesti merupakan Ahli Enrich dan Akaun Enrich mestilah aktif semasa proses pemberian Mata Ganjaran Enrich.
- Ganjaran Kempen untuk Peringkat 2 akan dihantar melalui e-mel ke alamat e-mel sah Pemegang Kad yang Layak (berdasarkan rekod dalam sistem Bank).

TERMA DAN SYARAT AM

- Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membaca, dan memahami terma yang diberikan sebelum bersetuju menerima Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan surat-menyurat dan/atau rayuan berkenaan dengannya tidak akan dilayan.
- ABMB berhak untuk menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan untuk menambah, mengurangkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara sepenuhnya atau sebahagiannya, mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu dengan menyiarkannya di laman web ABMB, memaparkan di premis cawangan atau melalui iklan atau apa-apa cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh ABMB dan notis sedemikian akan mengikat Pemegang Kad yang Layak dari tarikh pemberitahuan atau dari tarikh lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh ABMB dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk mengakses laman web ABMB secara berkala untuk melihat Terma dan Syarat Kempen ini.
- ABMB berhak untuk menukar atau menggantikan Ganjaran Kempen dengan barangan lain atau ganjaran yang mempunyai nilai sama pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya sendiri sejajar dengan polisi dalaman bank dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web bank.
- Terma dan Syarat Kempen adalah sebagai tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk Pemegang Kad dan akaun perbankan yang dikekalkan dengan Bank ("Terma Sedia Ada").

5. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan ABMB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan surat-menyurat dan/atau rayuan berkenaan dengannya tidak akan dilayan.
6. ABMB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk sekalipun yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini yang disebabkan oleh tindakan pemegang kad sendiri. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad yang Layak dalam apa-apa cara sekalipun jika ABMB tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajibannya di bawah Kempen ini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekat masuk, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah ABMB
7. ABMB tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan teknikal dalam apa-apa bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan, ralat elektronik sekalipun dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat pedagang, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen.
8. Terma dan Syarat Kempen ini akan menjadi tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak dan akaun perbankan yang dikekalkan dengan ABMB ("**Terma Sedia Ada**").
9. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar sebarang terma Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada pada setiap masa; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, arahan bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, tertunggak dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditentukan oleh ABMB supaya layak untuk Kempen Ganjaran.
10. ABMB berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau menarik balik Ganjaran Kempen dalam keadaan di mana terdapat penipuan, transaksi tanpa kebenaran atau berbalik atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini mengikut polisi dalaman ABMB. Semua rekod ABMB mengenai transaksi yang dilakukan adalah muktamad dan terakhir.
11. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau lanjutan Kempen ini atau Pemegang Kad yang Layak hilang kelayakan atau Ganjaran Kempen ditarik balik tidak akan melayakkan Pemegang Kad yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau untuk mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan, lanjutan, kehilangan kelayakan atau penarikan balik yang disebabkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak sendiri.
12. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang digunakan, jika ada, berhubung dengan Kempen ini.
13. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan muktamad dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada kempen ini sahaja, tanpa apa-apa pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
14. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.

15. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
16. Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.